



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL. 2 / 2014**

**PEMILIKAN TANAH OLEH
WARGANEGARA/SYARIKAT ASING
BAGI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.**

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH
WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL.2/2014**

**PEMILIKAN TANAH OLEH WARGANEGARA/SYARIKAT ASING BAGI
NEGERI KEDAH DARUL AMAN.**

TUJUAN

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah dan Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah Kedah berkenaan Garis Panduan Mengenai Pemilikan Tanah Oleh Warganegara/ Syarikat Asing di dalam Pekeling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Bil. 1 Tahun 1995- Pemilikan Tanah Oleh Warganegara/ Syarikat Asing di Negeri Kedah Darul Aman berkaitan tanah-tanah yang diwarisi. [selepas ini disebut Garis Panduan Warganegara Asing tersebut]

LATAR BELAKANG PINDAAN BAGI AKTA A1104 KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 2001 [selepas ini disebut sebagai *Akta A1104*]

2.1 Sebelum pindaan *Akta A1104*, Garis Panduan Warganegara/ Syarikat Asing tersebut memperuntukan bahawa:

“Warganegara Asing dibenarkan memiliki semua jenis tanah yang diwarisi, dan bagi tanah dalam Rizab Melayu hendaklah pewaris diiktirafkan sebagai ‘Melayu’ di bawah Seksyen 19, Undang-Undang 63 (Tanah Simpanan Bagi Orang-Orang Melayu).”

2.2 Setelah pindaan *Akta A1104* yang berkuat kuasa pada 01 Disember 2001 dengan meminda peruntukan Seksyen 433A, 433B, 433E, dan 433F Kanun Tanah Negara [selepas ini disebut sebagai *Akta 56*] orang-orang yang buka Warganegara/ Syarikat Asing boleh memperolehi, dll., tanah hanya dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

PEMAKAIAN

3.1 Seksyen 433B memperuntukan seperti berikut:

“433B. Orang-orang yang bukan warganegara dan syarikat-syarikat asing boleh memperolehi, dll., tanah hanya dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(1) Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini atau dalam mana-mana undang-undang bertulis –

- (a)
- (b)
- (c) tanah bermilik, atau mana-mana bahagian atau kepentingan mengenai tanah tersebut, boleh dipindahmilik atau dialirkan kepada, atau terletak pada, atau diwujudkan bagi memihak mana-mana orang atau badan sebagai “pemegang amanah”, atau untuk dua atau lebih orang atau badan sebagai “pemegang-pemegang amanah”, jika sekiranya pemegang amanah atau salah seorang daripada pemegang-pemegang amanah, atau jika sekiranya benefisiari atau salah seorang daripada benefisiari-benefisiari, ialah seorang yang bukan warganegara atau sebuah syarikat asing;
- (d)
- (e)

tetapi hanya selepas mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa Negeri atas suatu permohonan bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh orang yang bukan warganegara atau syarikat asing:”

PEMBATALAN

4.1 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Bil.1 Tahun 1995 berkenaan Garis Panduan Mengenai Pemilikan Tanah Oleh Warganegara/ Syarikat Asing di dalam Negeri Kedah Darul Aman berkaitan TANAH-TANAH YANG DIWARISI sahaja adalah dengan ini dibatalkan.

TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

PENUTUP

6.1 Dengan keluarnya pekeliling ini, semua Pentadbir Tanah Daerah dan Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah Kedah bolehlah menerima dan memproses permohonan pemilikan tanah yang diwarisi oleh Warganegara/ Syarikat Asing setelah mendapat kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Setiap permohonan hendaklah diteliti supaya syarat-syarat dan prosedur-prosedur yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.



**(DATIN PADUKA DATO' HAJJAH CHE BARNI BT. HJ. MOHD NOOR,
DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

Pengarah Tanah Dan Galian
Negeri Kedah Darul Aman.

Bertarikh : 21 hb. ^{Zulhijjah} Zulkaedah, 1435
Bersamaan : 16 hb. Oktober, 2014